

PM: Negara perlukan pemimpin berkaliber

Oleh
G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 22 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia memerlukan para pemimpin yang mempunyai sifat-sifat yang betul bagi menghadapi cabaran mengekalkan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati hari ini pada abad ke-21.

Selain cabaran mengekalkan kemakmuran sekarang, kata Perdana Menteri, mereka juga menghadapi cabaran besar untuk mengekalkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Di peringkat antarabangsa pula, tegas beliau, cabarannya ialah mengekalkan daya saing Malaysia yang kini ditempatkan di tangga keempat dalam senarai negara paling kompetitif di dunia.

Berucap merasmikan Persidangan Kepimpinan Sedunia anjuran Institut Ke-

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Negara perlukan pemimpin berkaliber

pimpinan dan Strategi Asia (ASLI) di sini, malam ini, beliau berkata, inilah cabaran-cabaran yang paling besar yang akan dihadapi oleh para pemimpin negara di abad akan datang.

Bagaimanapun beliau yakin mereka akan dapat menghadapinya dengan syarat para pemimpin itu memiliki sifat-sifat kepimpinan yang betul untuk membolehkan mereka memelihara perpaduan rakyat yang terikat kuat hari ini.

Dalam hubungan ini, beliau mahu rakyat negara ini sentiasa ingat akan keadaan di Bosnia, Rwanda, bekas Soviet Union dan negara-negara lain supaya mereka sedar tentang akibat-akibat daripada konflik agama dan etnik.

Dr. Mahathir juga berkata, dinamisme dan kemakmuran yang melanda ekonomi Asia Timur akan terus menjadikannya pihak yang penting dalam kegiatan ekonomi antarabangsa.

Bagaimanapun, kata beliau, rakyat negara ini juga seharusnya menerima hakikat bahawa jalan menghadapi masa-masa akan datang adalah tidak semudah yang dijangka.

"Kita perlu bekerja kuat. Kita juga seharusnya mempertahankan segala pencapaian yang telah diperolehi selama ini dengan mengekalkan keamanan dan kestabilan kita.

"Tanpa kestabilan, pertumbuhan eko-

nomi tidak dapat dikekalkan dalam jangka panjang. Tanpa persetujuan kebangsaan, tiada kestabilan," katanya.

Perdana Menteri menekankan, rakyat juga hendaklah sentiasa bersedia untuk menerima perubahan-perubahan semasa.

"Untuk berjaya dalam perubahan pengurusan, pengurus dan pemimpin-pemimpin seharusnya berupaya untuk mengubah fikiran, paradigma dan tingkah laku mereka," katanya.

Dr. Mahathir mengingatkan, kepimpinan merupakan faktor utama dalam pembangunan organisasi yang jarang sekali mendapat perhatian yang secukupnya.

Kata beliau, dimensi kepimpinan seharusnya diberi tumpuan yang sepenuhnya dalam setiap organisasi.

Menurut beliau, syarikat dan negara perlu melakukan pembaharuan menerusi pembangunan kepimpinan yang dirancang dengan teliti dan perancangan yang berjaya.

"Pembaharuan organisasi akan membolehkan syarikat-syarikat yang berjaya untuk kekal berjaya," katanya.

Tambahnya, di Malaysia rakyat bernasib baik kerana pembaharuan kepimpinan berjalan dengan licin dan peralihan kepimpinan berlaku dalam keadaan aman dan teratur.